

**Universiti wajar
hasil R&D beri
impak kepada
golongan miskin**

Bangi: Semua universiti penyelidikan diminta menghasilkan penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang mampu memberi impak lebih besar kepada masyarakat Malaysia terutama golongan miskin dan menyelesaikan masalah pihak industri.

Menteri Pendidikan II, Datuk Seri Idris Jusoh, berkata setiap tahun kerajaan menyalurkan kira-kira RM80 juta masing-masing kepada Universiti Sains Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia dan Universiti Putra Malaysia untuk tujuan R&D.

Katanya, kerajaan melihat kewujudan kelima-lima universiti penyelidikan itu mampu menjadi pemangkin dan memberikan impak besar kepada pembangunan